

Guru Besar,
Sekolah-sekolah Daerah Kluang.

Tuan,

**PERTANDINGAN KAWAD KAKI UNIT-UNIT BERUNIFORM SEKOLAH RENDAH
DAN SEKOLAH MENENGAH DAERAH KLUANG 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SK Seri Kampung Tengah, Kluang selaku pengelola dengan kerjasama Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan menganjurkan program tersebut mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 30 Julai 2025 (Rabu)
Masa : 7.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : SK Taman Kluang Barat, Kluang

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada pegawai dan peserta daripada sekolah-sekolah yang terlibat dalam pertandingan ini (lampiran 1). **Pentadbir perlu memastikan dasar Melindungi Masa Instruksional (MMI) dipatuhi sepanjang penglibatan guru menghadiri aktiviti tersebut.** Sebagaimana telah diputuskan dan dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat pengelolaan pada 21 Julai bahawa setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM150.00 bagi setiap pasukan.** (Rujukan surat kelulusan: JPNJ.800-4/5/11 JLD.9(28), 16 Mei 2025). Bayaran ini adalah untuk urusan pengelolaan pertandingan. Untuk makluman, pengangkutan peserta adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.

4. Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau cek kepada sekolah pengelola di atas nama **SEKOLAH KEBANGSAAN SERI KAMPONG TENGAH** selewat-lewatnya pada **30 Julai 2025.**

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Hairul Azuan Bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

SK FELDA KAHANG BARAT, KLUANG.		
No. Daftar	No. Fail	Tindakan / Perhatian
28/7/25	63/6/6	☐ Guru Besar
		☐ Penolong Panan 1
		☒ Guru Penolong Kanan HEM
		☒ Guru Penolong Kanan KOKO
T. Tandas: <i>YH</i>		